



## SIARAN MEDIA

---

### **CYBERSECURITY MALAYSIA DIPERAKUI OLEH INTERPOL SEBAGAI PENYUMBANG UTAMA PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN INTERPOL**

**CYBERJAYA, 6 November 2023** - Pasukan Forensik Digital CyberSecurity Malaysia yang diketuai oleh Sarah Khadijah Taylor telah diperakui oleh INTERPOL sebagai penyumbang utama kepada pembangunan *INTERPOL Guidelines for Seizing Virtual Asset*. Garis panduan tersebut dilancarkan pada Persidangan Penguatkuasaan Undang-undang Forum Teknologi Baharu INTERPOL ke-2, yang dirasmikan oleh Menteri Kehakiman Negeri Bavaria pada 12 Oktober 2023 di Nuremberg, Jerman.

Garis Panduan INTERPOL menyediakan kaedah komprehensif bagi melaksanakan penyiasatan aset maya, termasuklah mata wang kripto kepada pegawai penyiasat dan pakar perundangan daripada 194 negara anggotanya. Garis panduan ini dibangunkan sebagai salah satu usaha bagi membanteras jenayah siber melibatkan aset maya yang semakin berleluasa.

Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil berkata “pencapaian ini amat membanggakan. Perakuan oleh pihak INTERPOL merupakan pengiktirafan terhadap kecekapan pakar forensik digital CyberSecurity Malaysia. Keupayaan pakar berkenaan terbukti berjaya menghasilkan penyelesaian yang inovatif dalam usaha menangani serta membanteras ancaman dan jenayah siber di Malaysia. Pengiktirafan ini juga melonjakkan nama negara ke persada dunia teknologi digital yang kian mencabar pada masa ini”.

CyberSecurity Malaysia telah menjadi contoh cemerlang di sebalik pembangunan beberapa garis panduan dengan pendekatan praktikal yang berkesan bagi membantu siasatan jenayah siber di Malaysia.

**Dikeluarkan oleh:  
Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat  
CyberSecurity Malaysia**

**UNTUK SIARAN SEGERA**



Peserta Persidangan Ke-Dua Penguatkuasaan Undang-undang Forum Teknologi Baharu INTERPOL  
12 Oktober 2023, Nuremberg, Jerman.